



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

Bagi Minggu 22/2012 (27 Mei hingga 2 Jun 2012)

Pada minggu ke-22 bagi tahun 2012, iaitu dari 27 Mei hingga 2 Jun, sejumlah 349 kes demam Denggi telah dilaporkan berbanding 396 kes pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Sebanyak lima (5) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Sarawak meningkat sebanyak 7 kes (64%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 4 kes (21%), Perlis 3 kes (300%), Terengganu 3 kes (33%) dan N.Sembilan meningkat 1 kes (14%). Jumlah terkumpul kes Denggi bermula dari Januari sehingga 2 Jun 2012 adalah 10,352, meningkat sebanyak 19% atau 1,632 kes berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Bagi tempoh yang sama juga, jumlah kematian pada tahun 2012 adalah sebanyak 20 kematian, meningkat 6 berbanding 14 kematian.

Sejumlah 69 lokaliti mengalami wabak di seluruh negara melibatkan 17 daerah dan tiada lokaliti *hot spots* dilaporkan. Hasil pemantauan KKM mendapati terdapat 1,026 premis yang mempunyai pembiakan Aedes daripada 66,907 premis yang diperiksa pada minggu lepas. Antara bekas-bekas yang dijumpai mengandungi pembiakan Aedes seperti di dalam baldi, bekas plastik, tong-tong terbuang, talam peti sejuk dan bekas-bekas yang terbuang di longgokan sampah terbuka.

Masyarakat perlu diingatkan bahawa tanggungjawab membersihkan kawasan persekitaran kediaman bukan hanya terletak dibahu Kementerian Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan semata-mata, malah ianya perlu menjadi agenda utama masyarakat setempat melalui Jawatankuasa Penduduk untuk mengatur program gotong-royong apabila mendapati kawasan persekitaran tidak bersih dan berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Amalan secara berterusan ini akan dapat menghindarkan penduduk dari gigitan nyamuk Aedes dan seterusnya membasmi Denggi hingga ke puncanya.

Sempena musim cuti persekolahan yang sedang berlangsung dan akan berakhir pada minggu ini, pihak pengurusan sekolah diminta untuk memastikan kawasan persekitaran sekolah adalah bersih dan bebas daripada takungan yang mengandungi pembiakan Aedes sebelum sesi persekolahan bermula. Sila pastikan semua mangkuk tandas dipam, kolah atau takungan yang besar dimasukkan dengan ubat pembunuh jentik-jentik (Abate) dan pihak sekolah boleh membuat semburan aerosol ke dalam kelas-kelas yang bertutup di sepanjang cuti persekohan bagi membunuh nyamuk Aedes dewasa yang berada di dalamnya. Dari pemantauan pihak KKM, dari Januari sehingga 25 Mei 2012, daripada 10,591 pemeriksaan terhadap sekolah, sebanyak 723 pemeriksaan didapati mempunyai pembiakkan Aedes. Mana-mana sekolah yang membiarkan kawasan sekolah menjadi tempat pembiakan Aedes, tindakan kompaun maksimum RM500 akan dikenakan terhadap Pengetua atau Guru Besar sekolah tersebut. Sepanjang tempoh ini juga sebanyak 554 kompaun telah dikeluarkan dengan nilai kompaun sebanyak RM 277,000.

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

4 Jun 2012

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 22/2012
(27 Mei hingga 2 Jun 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 22/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 22/2011
		Minggu 22 (27 Mei – 2 Jun 2012)	Minggu 21 (20 – 26 Mei 2012)		
1	Perlis	3	0	80	28
2	Kedah	11	17	357 (1)	207
3	P. Pinang	10	13	376 (1)	833 (1)
4	Perak	24	24	693 (1)	536 (2)
5	Selangor	177	200	4,724 (10)	3,270 (3)
6	WPKL & Putrajaya	23	19	1,043 (3)	761 (1)
7	N. Sembilan	8	7	191 (1)	338
8	Melaka	6	6	276	199
9	Johor	37	37	742 (1)	817 (4)
10	Pahang	7	12	310 (1)	425 (1)
11	Terengganu	12	9	360	329 (1)
12	Kelantan	6	27	540	297 (1)
13	Sarawak	18	11	444	458
14	Sabah	7	14	209 (1)	217
15	WP Labuan	0	0	7	5
	MALAYSIA	349	396	10,352 (20)	8,720 (14)

Nota: () Kematian